

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah kadar kemiskinan negara jika dikira menggunakan pakai:-**

- (a) ukuran kemiskinan relatif dengan nilai ambang 60% daripada median pendapatan isi rumah; dan
- (b) indeks kemiskinan multi dimensi.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isi rumah miskin merujuk kepada isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK). PGK merupakan pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahlinya berfungsi di dalam masyarakat. Ukuran kemiskinan relatif pula lebih menjurus kepada konsep perbandingan di mana tahap 'kemiskinan' seseorang adalah bergantung kepada tahap 'kemiskinan' orang lain. Misalnya, perbandingan di antara isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40), isi rumah berpendapatan 40 peratus menengah (M40) dan isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi (T20). Ini bermakna kadar kemiskinan relatif tidak boleh digambarkan melalui satu angka peratusan sebaliknya lebih merupakan kepada satu perbandingan di antara dua kumpulan pendapatan.

Perbandingan pendapatan di antara B40, M40 dan T20 berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (PPIR) 2014 adalah seperti berikut:

Pendapatan Isi Rumah	T20	M40	B40
Pendapatan Purata (RM)	14,305	5,662	2,537
Pendapatan Median (RM)	11,610	5,465	2,629

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan isi rumah yang berpendapatan 60% daripada median pendapatan atau RM2,751 ialah 1.44 juta.

- b) Indeks kemiskinan pelbagai dimensi (MPI) telah dibangunkan bagi melengkapi kaedah pengukuran kemiskinan berdasarkan PGK. Walau bagaimanapun, kadar kemiskinan berdasarkan takrifan MPI adalah menjurus kepada ketersisihan dalam indikator sosioekonomi seperti pendidikan, kesihatan dan keadaan tempat tinggal. Sehubungan itu, ia tidak boleh dibandingkan secara terus dengan kadar kemiskinan berdasarkan PGK.

Sekian, terima kasih.